


Seorang maut, enam cedera nahas treler, lori

Hulu Selangor: Seorang lelaki maut manakala enam lagi cedera dalam kemalangan membabitkan dua kenderaan di Kilometer 408.4 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan, berhampiran Lembah Beringin di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 1.10 pagi, Tan Kim Thian, 60, meninggal dunia di lokasi kejadian, sementara empat warga Pakistan parah dan dua warga tempatan cedera ringan.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafisham Mohd Noor berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pada jam 1.12 pagi.

"Sepasukan lapan anggota bersama jentera dan van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Sen-



MANGSA yang cedera dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.

tosa dan Kuala Kubu Bharu ke lokasi kejadian.

"Kemalangan membabitkan treler yang membawa muatan beras dan lori 10

tan bermuatan papan tanda. Terdapat seorang lelaki tersepit dalam treler dan mangsa disahkan meninggal dunia.



ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat lelaki yang maut dalam kemalangan di Kilometer 408.4 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan, berhampiran Lembah Beringin.

"Dua warga Pakistan parah di kepala dan badan selepas tersepit di bawah timbunan papan tanda dalam lori manakala dua lagi

mangsa berjaya dikeluarkan orang awam," katanya dalam satu kenyataan.

Hafisham berkata, anggota bertugas kemudian

Kemalangan membabitkan treler membawa muatan beras dan lori 10 tan bermuatan papan tanda. Terdapat seorang lelaki tersepit dalam treler dan disahkan meninggal dunia"

Hafisham Mohd Noor

mengeluarkan semua mangsa tersepit menggunakan peralatan khas yang mengambil masa 30 minit.

Beliau berkata, mayat diserahkan kepada polis manakala mangsa cedera dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.